Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Sapiyah binti Boyadi (K.P. 570126-01-6468) yang beralamat di No. D66, Kampung Parit Mustaffa, Mukim 4, 83500 Parit Sulong, Batu Pahat telah melapor hakmilik yang berjadual di bawah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Simpang Kiri. No. P.T.D.—6230. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5730. Luas—1.926 hektar.

Bertarikh 15 Ogos 2017
[PT 01/11/04/0401/96/2017]

MOHD. FAIZ BIN MOHD. SALLEH
*Penolong Pentadbir Tanah
Batu Pahat*

No. 4482.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Adam bin Ayob yang beralamat di No. 227, Jalan Pekan Baru, Parit Yusof, 84000 Muar, Johor; No. 23A, Jalan Haji Jaib, 84000 Muar, Johor atau No. 13, Jalan Indah 2, Taman Parit Yusof 2, Sungai Balang, 83610 Muar, Johor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan pemegang gadaian tersebut di Pejabat Tanah Muar pada hari Rabu 11 Oktober 2017 jam 10.00 pagi (Penyampaian Ganti) bertempat di Bahagian Pendaftaran, Pejabat Tanah Muar.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Mukim—Sungai Balang. No. Lot—12071. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5519. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 199/2006 bertarikh 16 Januari 2006.

Bertarikh 23 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 40/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 4483.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Arshad bin Abdul Aziz yang beralamat di Pos 82, Kampung Parit Kassim, Jalan Abdul Rahman, Parit Jawa, 84140 Muar, Johor atau Lot 3861, Parit Keliling, Parit Kassim, 84150 Parit Jawa, Muar, Johor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan pemegang gadaian tersebut di Pejabat Tanah Muar pada hari Rabu 11 Oktober 2017 jam 9.15 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Mukim—Parit Jawa. No. Lot—3861. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 161. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 472/2006 bertarikh 27 Januari 2006.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 50/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 4484.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Gui Seng Chuan dan Gui Seng Thai yang beralamat di TL 63, Sungai Abong, 84000 Muar, Johor atau KT 63, Jalan Kampung Tengah, Off Jalan Sungai Abong, 84000 Muar, Johor atau No. 8-26, Jalan Kasawari 21/1, Taman Sungai Abong Permai, 84000 Muar, Johor atau Lot 6185, Kampung Tengah, Sungai Abong, 84000 Muar, Johor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan pemegang gadaian tersebut di Pejabat Tanah Muar pada hari Rabu 11 Oktober 2017 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Mukim—Bandar. No. Lot—21799. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 7329. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2600/2008 bertarikh 29 April 2008.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 51/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 4485.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Lee Hong Guan dan Lee Hong Keng yang beralamat di No. 11, Jalan Bakri Jaya 6/8, Taman Bakri Jaya Off Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor atau No. 11, Jalan Bakri Jaya 6/8, Taman Bakri Jaya, 84000 Muar, Johor atau No. 357, Bakri New Village, 84200 Muar, Johor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan pemegang gadaian tersebut di Pejabat Tanah Muar pada hari Rabu 11 Oktober 2017 jam 9.45 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Mukim—Jalan Bakri. No. Lot—10939. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3716. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 8102/2006 bertarikh 21 Disember 2006.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 52/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4486.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohamad Hatta bin Rahmat dan Nor Farizan binti Faيمان yang beralamat di No. 18, Jalan Cempaka Sari 1, Taman Seri Cempaka, Jalan Junid, 84000 Muar, Johor atau No. 20, Taman Desa Impian, Jalan Abd. Rahman, 84000 Muar, Johor atau No. 134-A, Lorong Hedrah, Jalan Salleh, 84000 Muar, Johor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan pemegang gadaian tersebut di Pejabat Tanah Muar pada hari Rabu 11 Oktober 2017 jam 10.15 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Mukim—Bandar. No. P.T.D.—14612. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 8549. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1854/2011 bertarikh 12 April 2011.

Bertarikh 6 September 2017
[PTDM(LEL) 53/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4487.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ho Pei Teck, Lim Gek Heoh @ Lim Kim Sui dan Ho Pei Pei yang beralamat di No. 40, Jalan Zamrud, Taman Maharani, Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan pemegang gadaian tersebut di Pejabat Tanah Muar pada hari Rabu 8 November 2017 jam 9.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Mukim—Jalan Bakri. No. P.T.D.—2051. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 168. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 409/2016 bertarikh 28 Januari 2016.

Bertarikh 17 September 2017
[PTDM(LEL) 54/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 4488.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd. Mahmudin bin Misbah dan Ruzita binti Tarmiji yang beralamat di No. 1, Jalan Berlian 6, Taman Renggam Jaya, 86200 Simpang Rengam, Johor Darul Ta'zim; Batu 3, Kampung Sungai Lang, 42700 Banting, Selangor dan Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Selangor, Tingkat 12, 13, 13A dan 18, No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14, 40712 Shah Alam, Selangor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 25 Oktober 2017 jam 2.30 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan-puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—5750. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2777. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 4503/2005 bertarikh 20 Oktober 2005.

Bertarikh 11 September 2017
[Bil. (6)dlm.PTDM(PJ) 06/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 4489.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ali bin Rashid yang beralamat di No. 2A, Jalan Tengah 1, Taman Kampung Tengah, 86000 Kluang, Johor; No. 18, Jalan Aman 6, Taman Seri Aman, Batu 9, 43200 Cheras, Selangor; No. 237, Odean Cinema, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50050 Kuala Lumpur; No. 44, CP 5/146, Cheras Perdana, 43200 Cheras, Selangor; No. 19, Jalan Shah Bandar 27/5, Bandar Mahkota Cheras, 43200 Cheras, Selangor dan Jabatan Insolvency Malaysia, Cawangan Selangor, Tingkat 12, 13, 13A dan 18, No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14, 40712 Shah Alam, Selangor, dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Daerah Kluang pada hari Rabu 25 Oktober 2017 jam 2.45 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. Lot—42457. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3067. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2591/2001 bertarikh 24 Oktober 2001.

Bertarikh 11 September 2017
[Bil. (6)d/m.PTDK(PJ) 45/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 4490.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Norfaizah binti Pa'at, Penolong Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihal di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihal sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 19 Disember 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Mersing, Johor; dan

- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah sebagaimana berikut H.S.(M) 101, Lot 151, Mukim Pulau Sibul adalah RM110,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sepuluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Bank Pertanian Malaysia Berhad pada tarikh ini ialah RM90,706.07 setakat 21 Ogos 2017.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM11,000.00 (Ringgit Malaysia Sebelas Ribu Sahaja) dengan draf bank atau cashier's order atas nama Bank Pertanian Malaysia Berhad sebelum lelong awam dimulakan;
 - (b) keseluruhan harga belian/bidaan hendaklah dibayar dan dicukupkan sebanyak 10%, serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 17 April 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Mersing. Mukim—Pulau Sibul. No. Lot—151 (1.5075 hektar). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 101. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 869/2010 bertarikh 21 Disember 2010.

Bertarikh 11 September 2017
[PTD(MG) 4/2/3/2017(13)]

NORFAIZAH BINTI PA'AT
*Penolong Pentadbir Tanah
Mersing*

No. 4491.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Faiz bin Azman, Pendaftar Mahkamah Tinggi/Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 18 September 2017 di Pejabat Tanah Kulai yang beralamat di Bangunan Pejabat Kerajaan, Jalan Pejabat Kerajaan, 81000 Kulai, Johor jam 9.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM160,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu BI Credit & Leasing Berhad pada tarikh ini ialah RM265,107.67.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM16,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Belas Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 16 Januari 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kulai. Bandar/Pekan/Mukim—Senai. No. P.T.D.—9110. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1050. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 844/1995.

Bertarikh 5 September 2017
[PTDKu/04/PJ/07/2017]

MOHD. FAIZ BIN AZMAN
b.p. Pentadbir Tanah
Kulai

No. 4492.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazlina Azawiyah binti Esa, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 12 Oktober 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM55,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu RHB Bank Berhad pada tarikh ini ialah RM54,825.78 setakat 24 Mei 2017.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM5,500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Lima Ratus Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 9 Februari 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—8715. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3935. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1620/2010 bertarikh 15 April 2010.

Bertarikh 24 Mei 2017
[PTDK(PJ) 68/2014]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4493.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazlina Azawiyah binti Esa, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 16 November 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM200,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam pada tarikh ini ialah RM38,273.55 setakat 14 Jun 2017.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 16 Mac 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—3382. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1267. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 310/1988, Jilid 35, Folio 156 bertarikh 25 Februari 1988.

Bertarikh 14 Jun 2017
[PTDK(PJ) 94/2016]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4494.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazlina Azawiyah binti Esa, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 16 November 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu AmBank (M) Berhad pada tarikh ini ialah RM126,970.96 setakat 21 Jun 2017.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 16 Mac 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. P.T.D.—59981. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 14217. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1039/2006 bertarikh 31 Mac 2006.

Bertarikh 21 Jun 2017
[PTDK(PJ) 30/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4495.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazlina Azawiyah binti Esa, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada sebab-sebab bertentangan, dengan ini pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 12 Oktober 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Kluang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM314,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Empat Belas Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu AmBank (M) Berhad pada tarikh ini ialah RM238,527.72 setakat 5 September 2017.
3. Penjualan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pembida mesti memiliki jumlah bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas: RM31,400.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu Ribu Empat Ratus Sahaja);
 - (b) keseluruhan harga belian boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh pembida yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) tersebut di atas akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan disimpan sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga, jumlah yang dinyatakan di sub-perenggan (i) tersebut di atas mestilah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk mengurangkan jumlah yang terhutang kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian mesti dijelaskan di dalam suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 9 Februari 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan; dan
 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. P.T.D.—15343. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 7579. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1204/2007 bertarikh 30 April 2017.

Bertarikh 23 Ogos 2017
[PTDK(PJ) 36/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4496.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 25 Oktober 2017 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM240,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Bangkok Bank Berhad pada tarikh 23 Ogos 2017 ini ialah RM56,215,742.49.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM24,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 21 Februari 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Jorak. No. M.L.O.—4030. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1990. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 405/1998, Jilid 243, Folio 19 bertarikh 24 Januari 1998.

Bertarikh 23 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 60/2016]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 4497.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 15 November 2017 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM230,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Malaysia Building Society Berhad pada tarikh 23 Ogos 2017 ini ialah RM166,708.69.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM23,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 14 Mac 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Raya. No. Lot—8520. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2903. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3262/2011 bertarikh 16 Jun 2011.

Bertarikh 23 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 38/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4498.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 15 November 2017 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM118,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Belas Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu CIMB Bank Berhad pada tarikh 23 Ogos 2017 ini ialah RM23,182.02.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM11,800.00 (Ringgit Malaysia Sebelas Ribu Lapan Ratus Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 14 Mac 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Bandar. No. P.T.D.—3305. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1659. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 308/2004 bertarikh 13 Januari 2004.

Bertarikh 23 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 41/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4499.

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Noor Azam bin Aziz yang beralamat di A-11-4, Desa Pacific, Jalan Ampang Kiri, 55000 Ampang, Kuala Lumpur atau No. 21, Jalan Murni, Taman Sungai Balang Murni, Jalan Semerah, 83610 Sungai Balang, Muar, Johor adalah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah dibuat oleh Pentadbir Tanah Muar supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 23 November 2016 telah pun dikeluarkan.

Pada tarikh penjualannya yang dinyatakan di borang itu, lelongan awam pada 8 Februari 2017 telah ditangguhkan kerana tiada pembida.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada 25 Oktober 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Muar.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM252,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Dua Ribu Sahaja).

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu pada tarikh jualan itu ialah RM247,495.84 setakat 23 November 2016.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Balang. No. Lot—14242. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5836. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5195/2013 bertarikh 21 Oktober 2013.

Bertarikh 23 Ogos 2017
[PTDM(LEL) 38/2016]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4500.

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Hairudin bin Rusian dan Mastura binti Rosli yang beralamat di No. 13, Jalan Suria 1, Taman Suria, 86200 Simpang Rengam, Johor; Syarikat Rusian, No. B18, Gerai Majlis Daerah, Jalan Pasar, 86200 Simpang Rengam, Johor; No. 53, Kampung Parit Haji Hashim, 86200 Simpang Rengam, Johor; SMK Simpang Rengam, KM 72, Jalan Johor, 86200 Simpang Rengam, Johor dan Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Johor Bahru, Tingkat 12, Bangunan Tabung Haji, Jalan Ayer Molek, 80720 Johor Bahru, Johor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah telah dibuat oleh Pentadbir Tanah Kluang supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 27 Julai 2017 yang mana salinannya dilampirkan bersama-sama ini dan telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* No. 2838 bertarikh 29 September 2017.

Pada tarikh penjualan yang dinyatakan di Borang itu, tiada pembida.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada hari Khamis 12 Oktober 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kluang.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM180,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh Ribu Sahaja) diturunkan (10%) daripada harga asal. Penangkap lelong dikehendaki menyediakan Bank Draf sebanyak 10% dari harga rizab atau bersamaan dengan RM18,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Belas Ribu Sahaja) di atas nama pemegang gadaian Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Baki harga belian mestilah dijelaskan tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 9 Februari 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan.

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh jualan itu ialah RM171,525.66 setakat 27 Julai 2016. Ini tidak termasuk kos guaman dan pelelong.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. Lot—7947. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 225. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 563/2010 bertarikh 4 Februari 2010.

Bertarikh 7 September 2017
[PTDK(PJ) 22/2016]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
*b.p. Pentadbir Tanah
Kluang*

No. 4501.

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Nurul Ridhwan bin Norman yang beralamat di No. 27, Jalan Berlian 16, Taman Rengam Jaya, 86200 Simpang Rengam, Johor; No. 53, Kampung Parit Haji Hashim, 86200 Simpang Rengam, Johor dan Pertubuhan Peladang Kawasan Simpang Rengam, PPK095, No. 14, Jalan Sinar, 86200 Simpang Rengam, Johor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah telah dibuat oleh Pentadbir Tanah Kluang supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 29 Mac 2017 yang mana salinannya dilampirkan bersama-sama ini dan telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* No. 03/01/2017 bertarikh 27 April 2017.

Pada tarikh penjualan yang dinyatakan di Borang itu, tiada pembida.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada hari Khamis 12 Oktober 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kluang.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM153,900.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Sahaja) diturunkan (10%) daripada harga asal. Penangkap lelong dikehendaki menyediakan Bank Draf sebanyak 10% dari harga rizab atau bersamaan dengan RM15,390.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Tiga Ratus Sembilan Puluh Sahaja) di atas nama pemegang gadaian RHB Bank Berhad. Baki harga belian mestilah dijelaskan tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 9 Februari 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan.

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh jualan itu ialah RM138,183.20 setakat 29 Mac 2017. Ini tidak termasuk kos guaman dan pelong.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. P.T.D.—8622. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3842. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 670/2009 bertarikh 26 Februari 2009.

Bertarikh 7 September 2017
[PTDK(PJ) 04/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4502.

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Gan Bee Ting yang beralamat di No. 75, Jalan Kampung Baru, Taman Sri Tengah, 86000 Kluang, Johor dan No. 1, Jalan 8, Taman Ilham, 86000 Kluang, Johor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah telah dibuat oleh Pentadbir Tanah Kluang supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 5 April 2017 yang mana salinannya dilampirkan bersama-sama ini dan telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* No. 2026 bertarikh 27 April 2017.

Pada tarikh penjualan yang dinyatakan di Borang itu, tiada pembida.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada hari Khamis 12 Oktober 2017 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kluang.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM468,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Enam Puluh Lapan Ribu Sahaja) diturunkan (10%) daripada harga asal. Penangkap lelong dikehendaki menyediakan Bank Draf sebanyak 10% dari harga rizab atau bersamaan dengan RM46,800.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Enam Ribu Lapan Ratus Sahaja) di atas nama pemegang gadaian Alliance Bank Malaysia Berhad. Baki harga belian mestilah dijelaskan tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 9 Februari 2018 dan sebarang perlanjutan masa tidak dibenarkan.

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh jualan itu ialah RM267,857.52 setakat 5 April 2017. Ini tidak termasuk kos guaman dan pelelong.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kahang. No. P.T.D.—8299. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4123. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2712/2015 bertarikh 4 November 2015.

Bertarikh 7 September 2017
[PTDK(PJ) 11/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
b.p. Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4503.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Suhanah binti Bahrom (K.P. 790828-01-5528) beralamat di No. 17, Jalan Cermat 2, Taman Kota Masai, 81750 Masai, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 21350/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Mohd. Isa bin Man (K.P. 750922-01-5149) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. Lot—178237. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 377174. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 40239/2004.

Bertarikh 26 Julai 2017
[(253) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4504.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Abdul Aziz bin Samsudin (K.P. 601017-01-5027) beralamat di No. 208, Lorong Molek Satu, Taman Rashidah Indah, 70400 Seremban, Negeri Sembilan dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 991/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Dahari @ Daharinah binti Misri (K.P. 690704-01-6280) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Mukim—Sri Gading. No. Lot—968. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6225. Bahagian Tanah (jika ada)—1/6 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[(4)dlm.PT. 01/00/04/0106/0001/2011 JLD. IV]

*Pentadbir Tanah
Batu Pahat*

No. 4505.

MAJLIS DAERAH YONG PENG

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH YONG PENG
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Penyata Kewangan Majlis Daerah Yong Peng telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Yong Peng pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

ASAS KEPADA PENDAPAT

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA LAIN

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Yong Peng dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Yong Peng.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Yang DiPertua.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Yang DiPertua dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Yong Peng sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Yang DiPertua, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

MAKLUMAT LAIN SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT MENGENAINYA

Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

TANGGUNGJAWAB YANG DIPERTUA TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Yang DiPertua bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Mesyuarat Penuh Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1967. Yang DiPertua juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng, Yang DiPertua bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Yong Peng secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Yong Peng telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat untuk Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MOHD. SHAHRIL BIN YAHYA
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

Tarikh: 13 Julai 2017

PENGAUKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Raidah binti Saiman (K.P. 790523-01-5172), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Daerah Yong Peng, dengan ikhlas mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dana yang berikut ini beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Negeri Johor)
pada 6 Julai 2017)

Di hadapan saya,

MOHD. SAIFUL THOMAS BIN ABDULLAH
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

Tarikh: 6 Julai 2017

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Majlis
(AKAUN INDUK)

Kami, Haji Ropie bin Subari dan Haji Mohd. Kamal bin Harun yang merupakan Pengerusi dan Ketua WHIP Majlis Daerah Yong Peng dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dana yang berikut ini beserta Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Yong Peng pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

HAJI ROPIE BIN SUBARI
Yang DiPertua
Majlis Daerah Yong Peng

HAJI MOHD. KAMAL BIN HARUN
Ketua WHIP
Majlis Daerah Yong Peng

Tarikh: 6 Julai 2017

LAPORAN YANG DIPERTUA

Saya, Haji Ropie bin Subari Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dana yang berikut ini beserta dengan Nota-nota kepada Akaun yang berikut ini disediakan dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Yong Peng pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

HAJI ROPIE BIN SUBARI
Yang DiPertua
Majlis Daerah Yong Peng

Tarikh: 6 Julai 2017

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
ASET			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	2	24,155,716	19,710,917
		<u>24,155,716</u>	<u>19,710,917</u>
ASET SEMASA			
Kerja Dalam Pelaksanaan	3	148,400	-
Penghutang	4	6,468,079	6,492,644
Penghutang Pelbagai	5	335,908	251,036
Deposit Tetap	6	11,984,932	11,182,446
Tunai Dan Baki Bank	7	5,106,076	4,201,777
		<u>24,043,395</u>	<u>22,127,903</u>
LIABILITI SEMASA			
Wang Amanah	8	5,110,379	4,892,727
Pemiutang	9	601,123	307,402
Pemiutang Pelbagai	10	132,425	3,650
		<u>5,843,927</u>	<u>5,203,779</u>
ASET SEMASA BERSIH			
		18,199,468	16,924,124
		<u>42,355,184</u>	<u>36,635,041</u>
DIBIAYAI OLEH:			
KUMPULAN WANG-KUMPULAN WANG			
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis	11	35,526,818	35,091,384
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	12	492,948	630,141
Kumpulan Wang Pembangunan	13	1,702,178	579,137
Kumpulan Wang Pelbagai	14	194,281	200,000
Pemberian Tertunda	15	4,438,959	134,379
		<u>42,355,184</u>	<u>36,635,041</u>
		<u>42,355,184</u>	<u>36,635,041</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 4330 hingga 4340 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

HAJI ROPIE BIN SUBARI
Yang DiPertua
Majlis Daerah Yong Peng

HAJI AHMAD NAZRI BIN REBU
Setiausaha
Majlis Daerah Yong Peng

Tarikh: 6 Julai 2017

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR
PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
PENDAPATAN			
Cukai	16	10,742,184	10,928,425
Lesen, Terimaan Pendaftaran Dan Permit	17	1,206,968	1,083,522
Perkhidmatan Dan Terimaan Perkhidmatan	18	561,739	406,827
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	19	178,670	135,773
Sewaan	20	768,897	792,545
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	21	561,801	363,098
Denda Dan Hukuman	22	221,833	212,458
Pulangbalik Perbelanjaan	23	9,108	55,209
Terimaan Dari Agensi-Agensi Kerajaan	24	3,415,123	2,817,444
		<u>17,666,323</u>	<u>16,795,301</u>
PERBELANJAAN			
Gaji, Upahan Dan Elaun	25	4,038,436	3,738,552
Elaun Untuk Ahli-Ahli Majlis	26	256,220	250,375
Sumbangan Berkanun Kakitangan Awam	27	529,565	499,987
Elaun Lebih Masa	28	309,895	289,806
Faedah-Faedah Kewangan Kakitangan Awam	29	310,419	88,033
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	30	305,184	186,945
Pengangkutan Barang	31	1,607	671
Perhubungan	32	75,811	85,795
Utiliti	33	1,498,916	1,509,910
Sewaan	34	23,162	15,918
Bekalan Bahan Mentah	35	296,229	308,805
Bekalan Bahan Lain	36	238,091	185,792
Penyelenggaraan Pembaikan	37	2,163,986	1,938,467
Perkhidmatan Ikhtisas	38	785,371	783,564
Jentera	39	44,700	9,163
Alat Kelengkapan	40	60,154	115,525
Pokok Dan Benih	41	48,045	46,194
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	42	96,397	56,656
Pulangbalik Hasil	43	7,300	6,237
Hapuskira	44	67	72
Cukai Dan Pelbagai	45	83,290	152,385
Susutnilai Harta Tetap	46	1,006,288	868,767
Perbelanjaan Hutang Ragu	47	-	350,605
Pembangunan	48	5,115,356	6,080,635
		<u>17,294,489</u>	<u>17,568,859</u>
Lebih Pendapatan/(Kurangan)		<u>371,834</u>	<u>(773,557)</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 4330 hingga 4340 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

HAJI ROPIE BIN SUBARI
Yang DiPertua
Majlis Daerah Yong Peng

HAJI AHMAD NAZRI BIN REBU
Setiausaha
Majlis Daerah Yong Peng

Tarikh: 6 Julai 2017

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan Pendapatan	371,834	(773,558)
Pelarasan Tahun Terdahulu	63,600	(8)
Susutnilai	1,006,288	868,767
Hapuskira Harta Tetap	67	72
	<u>1,441,789</u>	<u>95,273</u>
Lebihan Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja (Tambahannya)/Kurangan Dalam Aset		
Penghutang	24,565	(1,761,916)
Penghutang Pelbagai	(84,871)	(62,362)
Tambahan/(Kurangan) Dalam Liabiliti		
Pemiutang	293,721	(280,632)
Pemiutang Pelbagai	128,775	72,031
Wang Amanah	217,652	203,150
	<u>579,842</u>	<u>(1,829,729)</u>
Tunai Bersih Dijana Dari/(Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi	<u>2,021,631</u>	<u>(1,734,456)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Harta Tetap	(5,451,155)	(475,112)
Pertambahan Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan	(148,400)	-
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(5,599,555)</u>	<u>(475,112)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pemberian Tertunda	4,304,580	(5,103)
Wang Perkhidmatan Kemajuan	(137,193)	68,246
Kumpulan Wang Pembangunan	1,123,041	468,861
Kumpulan Wang Pelbagai	(5,719)	-
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	<u>5,284,709</u>	<u>532,004</u>
Pertambahan Tunai Bersih	1,706,785	(1,677,564)
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	Nota 49 15,384,223	17,061,787
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	Nota 49 <u>17,091,008</u>	<u>15,384,223</u>
NOTA KEPADA AKAUN		
Penyata Aliran Tunai		
Persembahan Penyata Aliran Tunai pada tahun semasa adalah berdasarkan Kaedah Tak Langsung		
Tunai Dan Persamaan Tunai Terdiri Daripada:		
Simpanan Tetap	11,984,932	11,182,446
Tunai Dan Baki Bank	<u>5,106,076</u>	<u>4,201,777</u>
Tunai Dan Persamaan Tunai Pada Akhir Tahun	<u>17,091,008</u>	<u>15,384,223</u>

PENYATA PERUBAHAN DANA BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul Majlis RM	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Pelbagai RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2015	35,864,941	561,895	110,276	200,000	36,737,112
Pelarasan Bagi Tahun Terdahulu	1	-	-	-	-
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	1 (773,558)	68,246	468,861	-	(236,451)
Baki Pada 31 Disember 2015 (seperti yang dilaporkan)	<u>35,091,384</u>	<u>630,141</u>	<u>579,137</u>	<u>200,000</u>	<u>36,500,662</u>
Pelarasan Bagi Tahun Terdahulu	-	-	-	(8,026)	(8,026)
Baki Pada 31 Disember 2015 (dinyatakan semula)	35,091,384	630,141	579,137	191,974	36,492,636
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	1 371,834	(137,193)	1,123,041	2,307	1,359,989
Pelarasan Bagi Tahun Terdahulu	63,600	-	-	-	63,600
Baki Pada 31 Disember 2016	<u>35,526,818</u>	<u>492,948</u>	<u>1,702,178</u>	<u>194,281</u>	<u>37,916,225</u>

Nota 1 - Formula = Hasil Semasa Kumpulan Wang - Perbelanjaan Semasa Kumpulan Wang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Dalam penyediaan Penyata Kewangan. Selain dari mengambilkira dasar-dasar perakaunan di dalam Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Penyata Kewangan juga perlu disediakan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata Kewangan 2016 disediakan mengikut piawaian yang sama sebagaimana penyata kewangan 2015 dan telah diluluskan dalam mesyuarat jawatankuasa kewangan dan perkara am rujukan R.M.JKPA. Bil. 37/06/2017 bertarikh 22 Jun 2017 bagi diterima dan diluluskan.

1.1. ASAS PERAKAUNAN

- (i) Konvensyen Kos Sejarah
- (ii) Konsep Akruan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

1.2. ASET TETAP DAN SUSUTNILAI

Aset Tetap dinyatakan pada kos dan susutnilai terkumpul. Susutnilai adalah berdasarkan Kaedah Garis Lurus bagi jangka hayat kegunaan harta tersebut kecuali tanah pajakan. Bagi tanah hakmilik pajakan, susutnilai adalah dikira berdasarkan Tempoh Pajakan bagi jangka hayat pajakan tanah tersebut. Harta yang tamat jangka hayat ditinggalkan sebagai kos nominal. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

- | | | |
|--|---------------------------------|--|
| (i) Tanah | | |
| – Tanah Milik Bebas | – (0%) | |
| – Tanah Milik Pajakan | – (Kos Asal/
Tempoh Pajakan) | |
| (ii) Bangunan | | |
| – Kekal | – 3% | |
| – Separuh Kekal | – 6% | |
| (iii) Kenderaan–Jangka hayat 5 tahun | – 20% | |
| (iv) Loji Dan Jentera–Jangka hayat 5 tahun | – 20% | |
| (v) Perabot dan Kelengkapan Pejabat | – 20% | |
| –Jangka hayat 5 tahun | | |
| (vi) Peralatan Elektronik–Jangka hayat 5 tahun | – 20% | |

1.3. ASAS PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan-pendapatan seperti Cukai Harta, Notis dan Waran, Sewa Gerai, Sewa Pasar, Sewa Tempat, Kumbahan Berpusat, Letak Kereta Bermeter, Permit Sementara dan Faedah Deposit Tetap diambilkira mengikut konsep akruan manakala pendapatan-pendapatan lain diambilkira mengikut asas tunai.

Merujuk Pekeliling Perbendaharaan IPP aset bernilai rendah adalah Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) setiap unit.

1.4. PEMBERIAN KERAJAAN

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi tujuan belanja mengurus atau menyelenggara diambilkira sebagai hasil majlis.

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dalam bentuk aset diambilkira sebagai pemberian tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh hayat aset tersebut.

Manakala Pemberian Khas daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi melaksanakan sesuatu projek khas akan dikreditkan terus ke Kumpulan Wang Khas tersebut.

1.5. PERUNTUKAN HUTANG RAGU

Penghutang dan Penghutang Pelbagai adalah diambilkira pada jangkaan realisasi. Sesuatu anggaran akan dibuat bagi peruntukan hutang ragu berdasarkan kepada amaun tertentu yang dijangka sukar untuk diperolehi kembali.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016 – (Samb.)

	Tanah RM	Bangunan RM	Kenderaan RM	Loji Dan Jentera RM	Alat Kelengkapan Pejabat RM	Peralatan Elektronik RM	Jumlah RM
2. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN							
2016							
Kos							
Pada 1 Januari (seperti yang dilaporkan)	4,808,000	23,303,206	1,885,279	237,588	922,874	953,730	32,110,677
Pelaras Tahun Terdahulu	(1)	(1)					(1)
Pada 1 Januari (dinyatakan semula)	4,808,000	23,303,205	1,885,279	237,588	922,874	953,730	32,110,676
Tambahan	–	4,782,692	517,503	2,580	119,216	29,164	5,451,155
Pelupusan	–	–	–	(117,382)	(115,905)	–	(233,287)
Pada 31 Disember	4,808,000	28,085,897	2,402,782	122,786	926,185	982,894	37,328,544
Susutnilai Berkumpul	132,640	8,712,408	1,558,889	223,233	876,188	896,402	12,399,760
Pada 1 Januari (seperti yang dilaporkan)	1	–	–	–	–	–	1
Pelaras Tahun Terdahulu	132,641	8,712,408	1,558,889	223,233	876,188	896,402	12,399,761
Pada 1 Januari (dinyatakan semula)	13,291	781,991	162,172	7,565	18,181	23,088	1,006,288
Susutnilai Semasa	–	–	–	(117,363)	(115,858)	–	(233,221)
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–
Pada 31 Disember	145,932	9,494,399	1,721,061	113,435	778,511	919,490	13,172,829
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember	4,662,068	18,591,498	681,721	9,351	147,674	63,404	24,155,716
2015							
Kos							
Pada 1 Januari (seperti yang dilaporkan)	4,808,000	23,017,842	1,861,387	234,788	969,189	955,675	31,846,881
Pelaras Tahun Terdahulu	–	–	–	–	–	–	–
Pada 1 Januari (dinyatakan semula)	4,808,000	23,017,842	1,861,387	234,788	969,189	955,675	31,846,881
Tambahan	–	285,364	160,535	2,800	4,000	22,413	475,112
Pelupusan	–	–	(136,643)	–	(50,315)	(24,358)	(211,316)
Pada 31 Disember	4,808,000	23,303,206	1,885,279	237,588	922,874	953,730	32,110,677
Susutnilai Berkumpul	119,349	8,019,677	1,578,563	215,776	913,048	895,832	11,742,245
Pada 1 Januari (seperti yang dilaporkan)	–	–	–	(2)	(6)	–	(8)
Pelaras Tahun Terdahulu	119,349	8,019,677	1,578,563	215,774	913,042	895,832	11,742,237
Pada 1 Januari (dinyatakan semula)	13,291	692,731	116,967	7,459	13,430	24,889	868,767
Susutnilai Semasa	–	–	(136,641)	–	(50,284)	(24,319)	(211,244)
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–
Pada 31 Disember	132,640	8,712,408	1,558,889	223,233	876,188	896,402	12,399,760
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember	4,675,360	14,590,798	326,390	14,355	46,686	57,328	19,710,917

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	2016 RM	2015 RM
3. KERJA DALAM PERLAKSANAAN		
Sistem e-PBT	148,400.00	—
4. PENGHUTANG		
Cukai Harta	7,620,262	7,724,373
tolak : Peruntukan Hutang Ragu	(1,988,053)	(1,657,301)
	<u>5,632,209</u>	<u>6,067,072</u>
Pergerakan Hutang Ragu		
Baki dibawa dari hadapan	5,632,209	6,067,072
tolak : Peruntukan Hutang Ragu	—	(330,752)
	<u>5,632,209</u>	<u>5,736,320</u>
Sewaan	973,696	894,150
tolak : Peruntukan Hutang Ragu	(137,826)	(117,973)
	<u>835,870</u>	<u>776,177</u>
Pergerakan Hutang Ragu		
Baki dibawa dari hadapan	835,870	776,177
tolak : Peruntukan Hutang Ragu	—	(19,853)
	<u>835,870</u>	<u>756,324</u>
	<u>6,468,079</u>	<u>6,492,644</u>
5. PENGHUTANG PELBAGAI		
Pinjaman Kenderaan	72,629	90,796
Pinjaman Komputer	41,596	24,886
Faedah Terakru	86,843	70,166
Cukai Barang Dan Perkhidmatan	134,840	65,189
	<u>335,908</u>	<u>251,036</u>
6. DEPOSIT TETAP		
Agro Bank	584,576	584,576
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	2,908,400	2,889,233
Maybank	819,064	799,157
CIMB Bank Berhad	1,784,226	1,737,796
Bank Islam Malaysia Berhad	2,902,855	1,769,710
RHB Bank	1,545,340	2,045,340
AmBank Berhad	1,440,471	1,356,634
	<u>11,984,932</u>	<u>11,182,446</u>
7. TUNAI DAN BAKI BANK		
Akaun Semasa	4,414,959	3,374,900
Kumpulan Wang Kenderaan	175,784	156,828
Kumpulan Wang Komputer	18,497	35,145
Setem	2,888	3,763
ISF	492,948	630,141
Panjar Wang Runcit	1,000	1,000
	<u>5,106,076</u>	<u>4,201,777</u>
8. WANG AMANAH		
Pembangunan	3,475,537	3,388,237
Lesen	892,357	836,607
Am/Pelbagai	742,485	667,883
	<u>5,110,379</u>	<u>4,892,727</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	2016 RM	2015 RM
9. PEMIUTANG		
Emolumen	2,518	—
Perkhidmatan Dan Bekalan	532,328	176,367
Lain-Lain Perbelanjaan	1,500	8,246
Pembangunan	—	29,900
Bayaran Terdahulu Cukai Harta	55,389	83,778
Bayaran Terdahulu Sewa	9,388	9,111
	<u>601,123</u>	<u>307,402</u>
10. PEMIUTANG PELBAGAI		
Kumpulan Wang Komputer	—	510
Peruntukan Marris	123,364	3,140
Peruntukan JPP	1,000	—
Peruntukan Perkhidmatan Audit	8,061	—
	<u>132,425</u>	<u>3,650</u>
11. KUMPULAN WANG TERKUMPUL MAJLIS		
Baki Pada 1 Januari	35,091,384	35,864,941
(Kurangan)/Lebih Semasa	371,834	(773,557)
	<u>35,463,218</u>	<u>35,091,384</u>
Pelarasan Tahun Terdahulu	63,600	1
Baki Pada 31 Disember	<u>35,526,818</u>	<u>35,091,385</u>
12. KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN KEMAJUAN		
Baki Pada 1 Januari	630,141	561,895
Terimaan	125,606	68,251
Tolak: Perbelanjaan	(262,799)	(5)
Baki Pada 31 Disember	<u>492,948</u>	<u>630,141</u>
13. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		
	Projek Pembangunan	Jumlah
2016	Kecil RM	RM
Baki pada 1 Januari	579,137	579,137
Terimaan	2,124,679	2,124,679
Tolak: Perbelanjaan	(1,001,638)	(1,001,638)
Baki pada 31 Disember	<u>1,702,178</u>	<u>1,702,178</u>
2015		
Baki pada 1 Januari	110,276	110,276
Terimaan	548,861	548,861
Tolak: Perbelanjaan	(80,000)	(80,000)
Baki pada 31 Disember	<u>579,137</u>	<u>579,137</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

14. KUMPULAN WANG PELBAGAI

2016	Kumpulan Wang Kenderaan RM	Kumpulan Wang Komputer RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari	200,000	—	200,000
Pelarasan	(43,171)	35,145	(8,026)
Terimaan	33,957	13,357	47,314
Tolak:			
Perbelanjaan	(15,002)	(30,005)	(45,007)
Baki pada 31 Disember	<u>175,784</u>	<u>18,497</u>	<u>194,281</u>
2015			
Baki pada 1 Januari	200,000	—	200,000
Terimaan	—	—	—
Tolak:			
Perbelanjaan	—	—	—
Baki pada 31 Disember	<u>200,000</u>	<u>—</u>	<u>200,000</u>
		2016 RM	2015 RM
15. PEMBERIAN TERTUNDA			
Baki Pada 1 Januari		134,379	139,482
Terimaan		4,387,400	—
Tolak:			
Pindahan Kepada Pendapatan Terkumpul		—	—
Pindahan Kepada Pendapatan Semasa		(82,820)	(5,103)
Baki Pada 31 Disember		<u>4,438,959</u>	<u>134,379</u>
16. CUKAI			
Cukai Harta		9,695,188	10,531,172
Caruman Bantu Kadar		1,046,996	397,253
		<u>10,742,184</u>	<u>10,928,425</u>
17. LESEN, TERIMAAN PENDAFTARAN DAN PERMIT			
Permit		455,522	439,751
Bayaran Untuk Pendaftaran		15,524	11,684
Bayaran Untuk Berniaga (Lesen)		735,922	632,087
		<u>1,206,968</u>	<u>1,083,522</u>
18. PERKHIDMATAN DAN TERIMAAN PERKHIDMATAN			
Bayaran Perkhidmatan		<u>561,739</u>	<u>406,827</u>
19. PEROLEHAN DARI JUALAN BARANG			
Barang-Barang Bercetak		141,884	82,122
Barang Stor		36,786	29,901
Pelbagai Jualan		—	23,750
		<u>178,670</u>	<u>135,773</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	2016 RM	2015 RM
20. SEWAAN		
Gerai	643,059	642,557
Pasar	24,740	35,925
Tapak	36,388	41,815
Perhentian Bas Dan Teksi Stadium Dan Lain-Lain	—	8,798
Khemah, Kerusi Dan Meja	13,803	17,734
Dewan	6,311	7,478
Pelbagai	19,755	27,705
	24,841	10,534
	<u>768,897</u>	<u>792,545</u>
21. FAEDAH DAN PEROLEHAN DARI PELABURAN		
Faedah Simpanan Semasa	42,236	42,099
Faedah Simpanan Tetap	514,024	314,495
Faedah Pinjaman Kenderaan	4,425	5,442
Faedah Pinjaman Komputer	1,116	1,062
	<u>561,802</u>	<u>363,098</u>
22. DENDA DAN HUKUMAN		
Denda-Denda Dan Rampasan	88,725	104,500
Pelbagai Denda	133,108	107,958
	<u>221,833</u>	<u>212,458</u>
23. PULANGBALIK PERBELANJAAN		
Pelbagai Bayaran Balik Yang Lain	9,108	55,209
24. TERIMAAN DARIPADA AGENSI-AGENSI KERAJAAN		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	1,356,526	1,356,526
Pemberian Kerajaan Negeri	600,000	600,000
Pelbagai Terimaan	1,458,597	860,918
	<u>3,415,123</u>	<u>2,817,444</u>
25. GAJI, UPAHAN DAN ELAUN		
Gaji Biasa Kakitangan Awam	3,116,117	3,015,768
Elaun Tetap Kakitangan	922,319	722,784
	<u>4,038,436</u>	<u>3,738,552</u>
26. ELAUN UNTUK AHLI MAJLIS		
Elaun Tetap Ahli Majlis, YDP & YTDP	223,120	183,670
Elaun Tetap Yang Lain (Ex-Officio)	33,100	66,705
	<u>256,220</u>	<u>250,375</u>
27. SUMBANGAN BERKANUN UNTUK KAKITANGAN AWAM/AHLI MAJLIS		
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	41,276	29,243
Caruman Tabung Pencen	488,289	470,744
	<u>529,565</u>	<u>499,987</u>
28. ELAUN LEBIH MASA		
Elaun Lebih Masa Kakitangan Awam	309,895	289,806
	<u>309,895</u>	<u>289,806</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	2016 RM	2015 RM
29. FAEDAH KEWANGAN KAKITANGAN AWAM		
Lesen Memandu	400	2,373
Bayaran Gantian Cuti Sebelum Bersara	36,295	8,185
Pelbagai Pemberian	25,522	19,975
Imbuan Tahunan	248,202	57,500
	<u>310,419</u>	<u>88,033</u>
30. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP		
Kakitangan Awam		
Makanan Dan Minuman	38,225	9,377
Penginapan	48,740	32,858
Bayaran Lain	13,826	13,507
Elaun Perjalanan	74,879	88,390
Tambang Kapal Terbang	278	530
Ahli-Ahli Majlis		
Makanan Dan Minuman	2,146	2,224
Penginapan	3,341	—
Elaun Perjalanan Bagi Bayaran Tambang Teksi	123,289	39,404
Bayaran Lain	460	655
	<u>305,184</u>	<u>186,945</u>
31. PENGANGKUTAN BARANG-BARANG		
Elaun Pindah	<u>1,607</u>	<u>671</u>
32. PERHUBUNGAN		
Bayaran Pos Biasa, Mel Daftar, Mel Udara	13,930	20,730
Telefon Termasuk Sewaan Dan Kos Pemasangan	61,881	65,065
	<u>75,811</u>	<u>85,795</u>
33. UTILITI		
Elektrik	1,417,437	1,418,961
Air	81,479	90,949
	<u>1,498,916</u>	<u>1,509,910</u>
34. SEWAAN		
Sewa Alat Kelengkapan Elektrik	<u>23,162</u>	<u>15,918</u>
35. BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN PENYELENGGARAAN		
Alat-Alat Ganti	72,159	68,783
Petroleum Bahan-Bahan Pembakar	124,402	137,282
Getah Dan Barang Keluaran Dari Getah	22,215	22,280
Kayu Dan Keluaran Kayu	1,298	1,384
Galian Mentah Bukan Logam	19,894	19,010
Kimia Dan Bahan Kimia	32,075	32,827
Bekalan Pertanian	24,186	27,239
	<u>296,229</u>	<u>308,805</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	2016 RM	2015 RM
36. BEKALAN BAHAN LAIN		
Bekalan Pejabat	100,793	69,697
Bekalan Am	36,864	37,543
Bekalan Tenunan Dan Barang-Barang Pakaian	97,344	75,552
Bekalan Alat-Alat Kejuruteraan	3,090	3,000
	<u>238,091</u>	<u>185,792</u>
37. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN		
Bangunan	69,628	79,117
Kemudahan Penyelenggaraan	1,988,535	1,748,823
Kenderaan	56,893	30,237
Jentera	6,647	6,354
Alat Kelengkapan Perabot Pejabat	24,775	24,493
Alat Kelengkapan Elektronik	8,467	39,428
Alat Kelengkapan Elektrik	9,041	10,016
	<u>2,163,986</u>	<u>1,938,468</u>
38. PERKHIDMATAN IKHTISAS		
Perkhidmatan Yang Dibeli	461,262	560,295
Perkhidmatan Percetakan Dan Menjilid	59,105	37,342
Keraian Hospitaliti Dan Honorarium	265,004	185,927
	<u>785,371</u>	<u>783,564</u>
39. JENTERA		
Mesin Rumpit	6,000	4,780
Jentera Lain	38,700	4,383
	<u>44,700</u>	<u>9,163</u>
40. ALAT KELENGKAPAN		
Kelengkapan Pejabat	35,572	61,959
Kelengkapan Elektronik	3,533	5,000
Kelengkapan Elektrik	5,187	—
Kelengkapan Yang Lain	15,862	48,566
	<u>60,154</u>	<u>115,525</u>
41. POKOK DAN BENIH		
Anak Pokok	29,802	29,442
Benih	18,243	16,752
	<u>48,045</u>	<u>46,194</u>
42. PEMBERIAN/KENAAN TETAP		
Kurniaan Tambang Haji	6,397	6,040
Pemberian Mengurus Jenazah	3,000	—
Pampasan Individu	841	—
Yayasan PBT	86,159	50,616
	<u>96,397</u>	<u>56,656</u>
43. PULANGBALIK		
Pulangbalik Hasil	7,300	6,237
44. HAPUSKIRA		
Hapuskira Harta Benda	67	72

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	2016	2015
	RM	RM
45. CUKAI DAN PELBAGAI		
Cukai Tanah	5,717	5,717
Insuran Kenderaan	19,794	25,578
Insuran Bangunan	29,904	26,543
Insuran Pemindahan Wang Tunai	1,142	—
Tanggungjawab Awam	487	200
Pelbagai Bayaran	26,246	94,347
	<u>83,290</u>	<u>152,385</u>
46. SUSUTNILAI		
Tanah	13,291	13,291
Bangunan	781,991	692,731
Kenderaan	162,172	116,967
Loji Dan Jentera	7,565	7,459
Kelengkapan Pejabat	18,181	13,430
Peralatan Elektronik	23,088	24,889
	<u>1,006,288</u>	<u>868,767</u>
47. PERBELANJAAN HUTANG RAGU		
Perbelanjaan Hutang Ragu	<u>—</u>	<u>350,605</u>
48. PEMBANGUNAN		
Riadah/Joging Trak	464,544	345,927
Projek Pengindahan	552,096	543,210
Kedai/Gerai	146,013	118,405
Pasar	37,957	19,700
Bangunan Dewan	23,898	179,977
Bangunan Ibu Pejabat	93,294	187,750
Bangunan Pejabat Cawangan	39,000	38,392
Pondok Menunggu Bas	149,000	147,350
Jalan Raya	1,140,721	494,200
Parit Pembentungan Dan Jambatan	1,189,340	955,212
Lampu Isyarat Jalan	86,020	93,591
Lampu Jalan	190,024	180,444
Perabot Jalan	153,339	99,984
Pintu Gerbang Mercu Tanda	830,410	2,676,493
Rumah Kediaman Rasmi	19,700	—
	<u>5,115,356</u>	<u>6,080,635</u>
49. KOMITMEN MODAL		
Pada tarikh kunci kira-kira Pihak Majlis mempunyai komitmen modal bagi pembelian Sistem E-PBT seperti berikut:		
	2016	2015
	RM	RM
Dibenarkan Dan Dikontrakkan	<u>699,600</u>	<u>784,400</u>
50. ANGKA PERBANDINGAN		
Beberapa angka perbandingan telah diselaraskan semula untuk disesuaikan dengan persembahan penyata kewangan tahun semasa.		

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

51. INSTRUMEN KEWANGAN

Polisi Dan Objektif Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi Pengurusan Risiko Kewangan Majlis bertujuan memastikan yang sumber kewangan adalah mencukupi untuk memajukan operasi Majlis semasa menguruskan risiko kreditnya. Majlis telah merangka satu formula pengurusan risiko kewangan yang mana objektif utamanya adalah untuk menguruskan risiko atau kos yang ditanggung oleh Majlis dengan kewangan, pelaburan dan operasi Majlis.

Polisi Pengurusan Risiko yang pelbagai disediakan dan diluluskan oleh Majlis bagi tujuan pemerhatian dalam operasi harian ke atas kewangan dan pengurusan risiko yang berkaitan dengan instrumen kewangan.

(a) Risiko Mudah Tunai (Kecairan)

Majlis mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai (kecairan) yang berhemat untuk meminimumkan ketidakupayaan aset dan liabiliti kewangan bagi mengekalkan kemudahan kredit yang mencukupi untuk keperluan pembiayaan kontingen modul kerja.

(b) Risiko Aliran Tunai (jika berkaitan)

Majlis memeriksa kedudukan aliran tunai secara kerap bagi menguruskan pendedahan turun naiknya pada masa hadapan dengan instrumen kewangan monetari.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit atau risiko kemungkinan dari pihak lain adalah dikawal oleh pengurusan yang sentiasa melaksanakan prosedur pengurusan kredit disetiap jabatan.

(d) Aset Kewangan

Aset Kewangan Majlis adalah terdiri daripada baki di bank dan tunai, deposit tetap, penghutang dan pelbagai penghutang.

(e) Nilai Saksama

Terdiri daripada wang amanah, pemiutang, pemiutang pelbagai dan pinjaman jangka pendek serta overdraf kerana sifat instrumen kewangan yang matang secara jangka pendek.

(f) Risiko Kadar Faedah

Majlis sentiasa memastikan pelaburan simpanan tetap dilaburkan ke dalam institusi-institusi kewangan yang diluluskan dan dibenarkan menurut Arahan dan Pekeliling Kerajaan.

(g) Liabiliti Kewangan Dan Instrumen Ekuiti

Instrumen Ekuiti dan hutang dikelaskan sebagai sama ada liabiliti atau ekuiti berdasarkan peraturan secara kontrak.

Liabiliti kewangan yang signifikan termasuk pemiutang dan cagaran diterima dan terimaan terdahulu.

HAJI ROPIE BIN SUBARI
Yang DiPertua
Majlis Daerah Yong Peng

HAJI AHMAD NAZRI BIN REBU
Setiausaha
Majlis Daerah Yong Peng

Tarikh: 6 Julai 2017

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

No. 4506.

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

(Section 4)

NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor-nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut.

Bagi Tujuan Pembangunan Tapak Pelupusan Pepejal Sanitari Di Mukim Triang Daerah Mersing Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Daerah Mersing.

It is hereby notified that lands in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:

For The Purpose Of Construction Of Sanitary Solid Waste Site At Mukim Triang In The District Of Mersing For Ministry Of Urban Wellbeing, Housing And Local Government Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. It is further notified that any person authorized by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work compensation therefore will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at Mersing District Land Office.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Mersing. Mukim/Township—Triang.

Perihal tanah/Description of the locality:

Lot	Lot	Lot	Lot	Lot	Lot
1293	1289	1294	1301	1306	1291-TK
1295	1290	1297	1302	1307	
1296	1292	1298	1303	1308	

Bertarikh 17 September 2017

Dated 17 September 2017

[PTDMG 05/14/02/1300/0002/2017;

PTG 05/14/02/1300/0002/2017/0306/2017;

PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(93)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/
 Director of Lands and Mines Johore*

No. 4507.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Bagi Tujuan Penempatan Semula Penduduk Ladang Mengkibol Dan Jalan Masuk Ke Kampung Desa Impian Di Mukim Kluang Daerah Kluang Untuk Pejabat Daerah Kluang Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah dan kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

For The Purpose Of The Relocation Of Population Of The Mengkibol Estate And The Entrance To Kampung Desa Impian At Mukim Kluang In The District Of Kluang For Kluang District Office Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such land and area are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kluang. Mukim—Kluang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
	H.S.(D)		Hektar	Hektar
Sebahagian P.T.D. 11025	10411	Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad	328.616 (812E. 0R. 00P.)	9.846 (24.331 ekar)

Bertarikh 12 September 2017

Dated 12 September 2017

[PTDK 03/03/02/1300/0001/2017;

PTG. 03/03/02/1300/0001/2017/0244/2017;

PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(85)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/
Director of Lands and Mines Johore*

PEMBERITAHU LEWAT

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

No. 4508.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Rentis Tambahan Talian Penghantaran 500KV Dari PMU Yong Peng East Ke PMU Lenggeng Pakej Negeri Johor (Dari PMU Yong Peng East Ke Sungai Gemas) Di Mukim Labis Daerah Segamat Untuk Tenaga Nasional Berhad Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Additional Row 500KV Electricity Transmission System From PMU Yong Peng East To PMU Lenggeng Johore Package (From PMU Yong Peng East To PMU Sungai Gemas) At Mukim Labis In The District Of Segamat For Tenaga Nasional Berhad Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Segamat. Mukim—Labis.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
P.T.D.	H.S.(M)		Hektar	Hektar
11876	6690	Koh Brother Realty Sdn. Bhd.–1/1 bhg. (No. Syarikat: 8225236-T)	1.924 (4.754 ekar)	0.0253 (0.0625 ekar)
1360	5773	Janaky a/p Muthu (K.P. 530729-01-5804) –1/1 bhg.	2.428 (5.999 ekar)	0.1558 (0.3850 ekar)
1423	5779	Govinda Raj a/l Kannayah (K.P. 510617-01-5115)–1/1 bhg.	2.428 (5.999 ekar)	0.0129 (0.0319 ekar)
13289	7269	Latifah binti Moideen (K.P. 770519-01-5796)–1/1 bhg.	1.526 (3.770 ekar)	0.0596 (0.1473 ekar)
13290	7192	Kamarudin bin Othman (K.P. 620502-01-5147)–1/1 bhg.	1.679 (4.148 ekar)	0.0951 (0.2350 ekar)
13291	7229	Mohd. Halim bin Katan (K.P. 690204-01-5767)–1/1 bhg.	1.371 (3.387 ekar)	0.0097 (0.0240 ekar)
13292	7191	Haliza binti Min (K.P. 570117-01-6482)–1/1 bhg.	1.341 (3.313 ekar)	0.0032 (0.0079 ekar)
11877	7482	Chandran a/l Rajoo (K.P. 671029-01-5343)–1/1 bhg.	1.833 (4.529 ekar)	0.0468 (0.1156 ekar)
T.K. 18A	TK	Rizab Jalan	–	0.0020 (0.0049 ekar)
19A	TK	Rizab Jalan	–	0.0090 (0.0222 ekar)

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
P.T.D. 16523	TK	-	Hektar -	Hektar 0.0151 (0.0373 ekar)

Bertarikh 21 September 2017
 Dated 21 September 2017
 [PTDS 08/08/02/1300/0001/2017;
 PTG 08/08/02/1300/0006/2017/0272/2017;
 PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(97)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/
 Director of Lands and Mines Johore*

No. 4509.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Membina Jalan Baru 4 Lorong Dua Hala Dari Persimpangan Jalan Utara PIPC Ke Sempadan Tapak Terminal Laut Dalam Bebas Pengerang (P1-Lot Tambahan) Di Mukim Pengerang Daerah Kota Tinggi Untuk Kementerian Kerja Raya Malaysia Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah dan kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Construct Of New Road Consisting 4 Lanes Of Two-Way From The Junction Of The PIPC North Road To The Boundry Of The Pengerang Independent Deepwater Terminal (P1-Additional Lot) At Mukim Pengerang In The District Of Kota Tinggi For Ministry Of Public Works Malaysia Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such land and area are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kota Tinggi. Mukim—Pengerang.

No. Lot	Hakmilik atau Ukur	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
P.T.D.	H.S.(D)		Hektar	Hektar
2083	7849	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara	526.0918	1.6267

Bertarikh 21 September 2017

Dated 21 September 2017

[PTDKT(PBT) 04/07/02/1300/01/2017-941;

PTG. 04/07/02/1300/0004/2017/0268/2017;

PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(99)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/
Director of Lands and Mines Johore*

No. 4510.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pembinaan Loji Rawatan Air Kumbahan Di Hulu Sungai Segget Di Mukim Bandar Johor Bahru Daerah Johor Bahru Untuk Jabatan Perdana Menteri Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Construction Of Sewage Treatment Plant In Upstream At Sungai Segget At Mukim Bandar Johor Bahru In The District Of Johor Bahru For Prime Minister's Department Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Johor Bahru. Mukim—Bandar Johor Bahru.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
Lot	GRN.		Hektar	Hektar
46200	460222	Nusantara Daya Sdn. Bhd.–1/1 bhg.	0.4464	0.4464
3897	95663	The First General Insurance (M) Sdn. Bhd.–1/1 bhg.	0.1308	0.1308
T.K.				
1	–	Simpanan Jalan	0.0215	0.0215
2	–	Simpanan Jalan	0.0419	0.0419

Bertarikh 1 September 2017

Dated 1 September 2017

[PTJB(PBT) 02/40/02/1300/0009/2017;
PTG. 02/40/02/1300/0007/2017/0305/2017;
PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 6(2)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/
Director of Lands and Mines Johore*

Hakcipta Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2017
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasional.com.my, email.pnmbjb@printnasional.com.my